NILAI KEMELAYUAN DALAM PAKAIAN PENGANTIN MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN

WAN NUR ARINA BINTI WAN YUSOFF

C17A0381

Universiti Malaysia Kelantan

2021

FYP FTKW

FYP FTKW

NILAI KEMELAYUAN DALAM PAKAIAN PENGANTIN MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN

WAN NUR ARINA BINTI WAN YUSOFF

C17A0381

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandangan

Nama Pelajar : WAN NUR ARINA BINTI WAN YUSOFF

No. Matriks : C17A0381

Tarikh : 02/07/2021

Disahkan oleh:

Tandangan

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh :

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGHARGAAN

.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianNya dapat saya Wan Nur Arina Binti Wan Yusoff (C17A0381) pelajar Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok yang berada dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Warisan (Tektile Fesyen) Berjaya menyiapkan projek penyelidikan tahun akhir dengan jayanya. Bersyukur kepada Allah kerana telah menganugerahkan masa, nyawa, tenaga dan sebagainya bagi membolehkan saya menyiapkan segala tugasan yang diberikan selama membuat projek penyelidikan dengan baik dan sempurna.

Di kesempatan ini, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd Zaimmudin Bin Mohd Zain kerana telah banyak memudahkan segala urusan semasa membuat dan mencari maklumat untuk menjalankan projek penyelidikan ini. Tanpa bantuan beliau, sudah pasti saya tidak dapat membuat projek penyelidikan ini dengan sempurna.

Akhir sekali, tidak lupa juga, terima kasih kepada kedua ibubapa serta ahli keluarga yang lain kerana telah banyak membantu saya sepanjang membuat projek penyelidikan ini. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Semoga Allah sahaja yang dapat membalasnya.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI KANDUNGAN	v - viii
SENARAI JADUAL	ix - x
SENARAI RAJAH	xi - xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1 – 2
1.1 Latar Belakang Kajian	3 – 4
1.2 Pernyataan Masalah	4 – 6
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7 - 8
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Sumbangan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Nilai Kemelayuan	10 – 14
2.1 Pakaian Pengantin	15 – 24
2.2 Masyarakat Melayu	25- 26
2.3 Kajian Lepas	26

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	27 – 28
3.1 Jenis Kaedah Metodologi	
3.1.1 Kaedah Kualitatif	
3.1.2 Kaedah Kuantitatif	28 – 31
3.1.3 Kaedah Campuran	
3.1.4 Kaedah Dipilih	
3.2 Kajian Instrumen	
3.2.1 Soal Selidik	
3.2.2 Pemerhatian	32 – 43
3.2.3 Temubual	
3.2.4 Ujian	
3.2.5 Dokumen	
3.2.6 Kajian Instrumen Dipilih	
Contoh Soal Selidik	44
3.3 Data Analisis	
3.4 Target Kajian	45

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 4 : MENGANALISIS DATA

4.0 Pengenalan 46

4.1 Analisis Maklumat Responden 47 – 53

4.2 Analisis Pakaian Tradisional dan Nilai Kemelayuan 54 – 65

4.3 Pakaian Pengantin dan Kain Songket 66 – 106

4.4 Rekaan Pakaian Pengantin 107 – 111

4.5 Kain Songket 112 – 115

4.6 Proses Rekaan Produk

4.6.1 Konsep Rekaan Produk 116

4.6.2 Pemilihan Warna 117 - 118

4.6.3 Mood Board 119

4.6.4 Jenis Fabrik Dan Bahan 120

4.6.5 Proses Lakaran Produk 121 - 122

4.6.6 Lukisan Teknikal 123

4.6.7 Susun Atur Pola 124 - 125

4.7 Hasil Penyelidikan 126 - 132

4.8 Kos 133 - 134

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan 135

5.1 Kesimpulan 135 – 136

5.2 Cadangan 136 - 137

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

RUJUKAN 138 - 140

LAMPIRAN

Lampiran A

Lampiran B

Lampiran C

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

HALAMAN

3.2.1 Contoh Soalan Soal Selidik Secara Tertutup	33
4.1 : Maklumat Responden	48
4.2.1 : Soalan 1	54
4.2.2 : Soalan 3	57
4.2.3 : Soalan 4	58
4.2.4 : Soalan 5	60
4.2.5 : Soalan 6	61
4.2.6 : Soalan 7	63
4.2.6 : Soalan 8	64
4.3.1 : Soalan 9	66
4.3.2 : Soalan 10	68
4.3.3 : Soalan 11	70
4.3.4 : Soalan 12	72
4.3.5 : Soalan 13	73
4.3.6 : Soalan 14	75
4.3.7 : Soalan 15	77
4.3.8 : Soalan 16	79
4.3.9 : Soalan 17	81
4.3.10 : Soalan 18	83
4.3.11 : Soalan 19	85

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.12 : Soalan 20 87

4.3.13 : Soalan 21 89

4.3.14 : Soalan 22 91

4.3.15 : Soalan 23 93

4.3.16 : Soalan 24 95

4.3.16 : Soalan 25 96

4.3.17 : Soalan 26 98

4.3.18 : Soalan 27 100

4.3.19 : Soalan 28 101

4.3.20 : Soalan 29 103

4.3.21 : Soalan 30 105

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI RAJAH

HALAMAN

4.1.1 : Carta Peratusan Umur Responden 49

4.1.2 : Carta Peratusan Bangsa Responden 49

4.1.3 : Agama Responden 50

4.1.4 : Status Responden 51

4.1.5 : Carta Peratusan Pekerjaan Responden 52

4.1.6 : Carta Peratusan Tahap Pendapatan Responden 53

4.2.1 : Carta Peratusan Soalan 1 55

4.2.2 : Graf Peratusan Soalan 2 56

4.2.3 : Carta Peratusan Soalan 3 57

4.2.4 : Carta Peratusan Soalan 4 59

4.2.5 : Carta Peratusan Soalan 5 60

4.2.6 : Carta Peratusan Soalan 6 62

4.2.7 : Carta Peratusan Soalan 7 63

4.2.8 : Carta Peratusan Soalan 8 65

4.3.1 : Carta Peratusan Soalan 9 67

4.3.2 : Carta Peratusan Soalan 10 68

4.3.3 : Carta Peratusan Soalan 11 71

4.3.4 : Carta Peratusan Soalan 12 72

4.3.5 : Carta Peratusan Soalan 13 74

4.3.6 : Carta Peratusan Soalan 14 75

4.3.7 : Carta Peratusan Soalan 15 78

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.8 : Carta Peratusan Soalan 16 80

4.3.9 : Carta Peratusan Soalan 17 82

4.3.10 : Carta Peratusan Soalan 18 84

4.3.11 : Carta Peratusan Soalan 19 86

4.3.12 : Carta Peratusan Soalan 20 88

4.3.13 : Carta Peratusan Soalan 21 90

4.3.14 : Carta Peratusan Soalan 22 92

4.3.15 : Carta Peratusan Soalan 23 94

4.3.16 : Carta Peratusan Soalan 24 96

4.3.17 : Carta Peratusan Soalan 25 97

4.3.18 : Carta Peratusan Soalan 26 99

4.3.19 : Carta Peratusan Soalan 27 100

4.3.20 : Carta Peratusan Soalan 28 102

4.3.21 : Carta Peratusan Soalan 29 104

4.3.22 : Carta Peratusan Soalan 30 106

Rajah 4.4.1 : Graf Peratusan Rekaan Pakaian Pengantin 110

4.4.2 : Graf Peratusan Rekaan Corak Kain Songket 115

Rajah 4.8.1 : Kos Rekaan 1 133

Rajah 4.8.2 : Kos bagi Rekaan 2 134

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk mengkaji nilai kemelayuan pakaian pengantin yang berasaskan kain songket untuk diterapkan ke dalam pakaian pengantin moden yang banyak dipengaruhi dengan elemen budaya Barat. Kajian ini dijalankan di dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia terutamanya bandar di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini juga mampu untuk menggalakkan dan meningkatkan kembali kegunaan kain songket dalam industri pakaian pengantin. Objektif kajian ini adalah Mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin masyarakat Melayu. Objektif kajian kedua ialah mengenalpasti reka bentuk pakaian pengantin Barat dan objektif terakhir ialah menghasilkan cadangan gabungan antara reka bentuk pakaian pengantin Barat dengan nilai kemelayuan masyarakat Melayu. Kajian ini telah menggunakan metodologi kajian kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif soal selidik akan digunakan bagi memperolehi maklumat daripada responden. Seramai 30 orang responden yang berumur dalam lingkungan 20 tahun hingga 35 tahun dikehendaki untuk menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Dalam kajian ini juga, pengkaji turut menggunakan kaedah instrument iaitu kaedah soal selidik tertutup. Kaedah ini adalah kaedah di mana pengkaji akan menyediakan soalan soal selidik yang mempunyai 5 skala pilihan jawapan. Hasil daripada kajian penyelidikan ini, ia mampu untuk meningkatkan lagi penggunaan pakaian songket yang bercirikan elemen kemelayuan msyarakat Melayu zaman dahulu. Generasi muda zaman kini juga akan lebih terdedah dengan nilai kemelayuan yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang mereka dan ia dapat diterapkan kembali dalam kehidupan seharian terutamanya dalam pakaian pengantin.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ABSTRACT

This study is a case study that aims to study about the Malay wedding dress based 'songket' to be applied to the modern wedding dress is heavily influenced by western cultural elements. This study was conducted in the Malay community in Malaysia, especially in Kota Bharu, Kelantan. This study is also able to encourage and increase the use of 'songket' fabric in the wedding dress industry. The objective of this study is to identify the values of Malay in the Malay wedding dress. The second objective of this case study is to identify design bridal wear western and the last objective is to produce a joint proposal between western wedding dress design with the Malay community. This study has used quantitative method study methodology. The quantitative method will use questionnaire to obtain information from the respondents. A total of 30 respondents aged between 20 years and 35 years are required to answer the questionnaires distributed. In this case study also, the researcher also used the instrument method which is the closed questionnaire method. This method is the researcher will prepare a questionnaire that has 5 answer choice scales. The results of this research study, it was able to increase the use of 'songket' clothes that feature elements of old Malay in Malay society. The younger generation of today will also be more vulnerable to the heritage left by their ancestors and it can be re-applied in everyday life, especially in the wedding dress.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Nilai kemelayuan adalah satu elemen yang penting bagi melambangkan seseorang itu adalah berketurunan Melayu. Nilai kemelayuan tersebut merupakan satu aspek ataupun ciri-ciri yang diwarisi turun temurun bagi mengekalkan tradisi dan budaya bangsa Melayu. Ramai dikalangan masyarakat sekarang ini beranggapan bahawa dirinya seorang yang berbangsa Melayu, akan tetapi tanpa disedari nilai-nilai kemelayuan dalam diri mereka semakin pudar dan terhakis oleh arus kemodenan sehingga dipandang serong oleh masyarakat lain. Sebagai contoh, pakaian pengantin juga tidak terkecuali untuk turut sama terpalit dengan kepesatan arus kemodenan sekaligus sedikit demi sedikit melunturkan ciri-ciri kemelayuan dalam arena fesyen.

Kesan daripada arus modenisasi ini telah menyebabkan pakaian pengantin pada zaman kini telah sedikit demi sedikit meninggalkan nilai kemelayuan yang diterapkan sekian lama oleh masyarakat terdahulu. Impak tersebut telah menyebabkan ramai generasi muda pada zaman kini tidak mampu untuk mengenal pasti apakah ciri-ciri pakaian pengantin masyarakat Melayu pada zaman dahulu khususnya dalam pemakaian kain songket. Paling membimbangkan, pengaruh dari negara Barat yang semakin berleluasa terutama dari segi penampilan termasuklah pakaian telah menjadi satu faktor besar yang menjejaskan keaslian nilai-nilai yang dianggap khazanah tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pakaian tradisional masyarakat Melayu yang diperbuat daripada kain songket sering dipakai semasa hari perkahwinan sama ada dipakai oleh pengantin lelaki mahupun pengantin perempuan. Kebiasaannya, pakaian tradisional yang dijadikan pakaian pengantin ini adalah baju kurung atau baju kebaya yang diperbuat daripada kain songket. Pakaian pengantin pada zaman dahulu juga akan dilengkapi dengan aksesorinya seperti tanjak, keris serta aksesori kepala bagi wanita. Namun, pada zaman kini, tradisi memakai pakaian pengantin seperti pakaian tradisional Melayu songket itu makin tidak digemari oleh generasi muda. Hal ini adalah kerana, peredaran semasa oleh budaya Barat telah membuatkan generasi muda zaman kini telah tertarik dengan fesyen dari negara luar itu.

Bagi mengekalkan pakaian pengantin tradisional dalam masyarakat Melayu zaman kini, pengaruh budaya Barat tersebut perlu diterapkan di dalam pakaian pengantin pada masa kini. Terdapat ramai selebriti tempatan yang turut mengenakan pakaian pengantin yang berunsurkan elemen Barat. Contohnya, pelakon dan pengacara popular iaitu Mira Filzah turut mengenakan busana yang terdapat unsur Barat. Beliau memakai pakaian pengantin yang berseluar dan digandingkan dengan dress labuh. Dengan menggabungkan nilai-nilai kemelayuan dan elemen dari Barat, ia mampu untuk memupuk kembali penggunaan pakaian tradisional berasakan kain songket kepada generasi muda. Usaha untuk menganalisis kembali nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin masyarakat Melayu wajar dilakukan agar ia kembali diikuti oleh generasi muda pada zaman kini. Hal ini agar nilai kemelayuan serta Barat dapat digabungkan dalam sesuatu pakaian dan ia tidak dilupakan seiring dengan perkembangan trend fesyen terkini yang mampu untuk memenuhi kehendak atau keinginan generasi muda kini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji nilai kemelayuan pakaian pengantin yang berasaskan kain songket untuk diterapkan ke dalam pakaian pengantin moden yang banyak dipengaruhi dengan elemen budaya Barat. Konsep penggabungan pakaian tradisional seperti kain songket ke dalam reka bentuk pakaian pengantin moden bertujuan untuk menjadikan rekaan pakaian pengantin menjadi lebih bergaya dan dapat memberi kelainan. Hal ini juga bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai kemelayuan pada pakaian pengantin dan sebagai salah satu langkah memelihara kembali etika orang Melayu dalam aspek pemakaian. Kajian ini juga dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran bagi generasi kini mengenai nilai-nilai warisan tersebut.

Kajian ini juga mampu untuk menggalakkan dan meningkatkan kembali kegunaan kain songket dalam industri pakaian pengantin. Kain songket merupakan hasil tenunan tradisional oleh masyarakat Melayu dan ianya sedia maklum menjadi lambang indentiti masyarakat Melayu. Oleh itu sebagai generasi muda, kita hendaklah mengekalkan dan menjaganya agar tidak lapuk ditelan zaman. Dengan adanya kajian seperti ini, ia mampu untuk memberi lebih pendedahan tentang kain songket dan memperluaskan lagi penggunaannya serta dapat merancakkan kembali penggunaan songket dalam industri pakaian khususnya dalam pakaian pengantin.

Selain itu, kajian ini juga untuk menggabungkan reka bentuk pakaian pengantin dari Barat dengan kain songket. Oleh sebab pengaruh Barat semakin menular dalam kebanyakan gaya hidup generasi muda kini, amatlah bersesuaian dan bertepatan kajian ini dilakukan. Bagi mereka yang bakal berumahtangga, tidak dapat dinafikan mesti akan menempah pakaian pengantin yang mempunyai reka bentuk terkini dan

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

cantik akan tetapi dalam masa yang sama masih dapat mengekalkan unsur-unsur tradisi masyarakat Melayu.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Jika dahulu, di setiap majlis perkahwinan, para pengantin dalam masyarakat Melayu akan mengenakan pakaian tradisional yang diperbuat daripada songket kerana pakaian tersebut amat sesuai dengan penampilan pengantin yang diberi gelaran sebagai Raja Sehari. Ia juga merupakan satu proses untuk memelihara adat melayu di setiap majlis perkahwinan. Manakala dek kerana situasi yang telah berubah, pakaian tradisional seperti baju kurung atau baju kebaya sudah tidak diminati oleh sebahagian besar generasi muda untuk dipergakan didalam majlis mereka. Hal ini terjadi kerana, kurangnya kesedaran dalam menjaga khazanah tidak ternilai ini yang mana merupakan lambang jatidiri masyarakat Melayu.

Tambahan lagi, pengaruh besar masyarakat Barat termasuklah dalam aspek kebudayaan yang begitu kuat juga telah membuatkan generasi muda terutamanya semakin maminggirkan adat perkahwinan terdahulu dan lebih memilih pakaian pengantin yang banyak dipengaruhi dengan budaya Barat. Generasi muda lebih tertarik dengan reka bentuk pakaian pengantin moden yang sudah hilang nilai-nilai kemelayuan di dalamnya berbanding pakaian pengantin tradisional. Selain itu, generasi muda juga akan lebih tertarik dengan pakaian perkahwinan masyarakat Barat iaitu dari segi reka bentuk pakaian, aksesori, kebudayaan dan lain-lain.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Selain itu, faktor yang berperanan untuk mereka lebih gemar menggunapakai konsep pakaian yang moden adalah disebabkan oleh arus modenisasi pada masa kini yang banyak menerapkan pakaian moden lebih bertamadun dan yang tradisional sudah menjadi lapuk. Cara pemakaian pakaian pengantin masyarakat Melayu di Malaysia kini semakin kuat dipengaruhi oleh reka bentuk pakaian budaya Barat yang dianggap moden dan bergaya. Pakaian perkahwinan masyarakat Barat pada penelitian tidak menggunakan konsep pakaian itu formal atau santai. Sebagai contoh, terdapat golongan wanita masyarakat Barat yang menjolok mata apabila mengenakan seluar ketat atau gaun yang jarang didalam majlis mereka. Perbezaan yang ketara boleh dilihat dengan pemakaian pakaian pengantin masyarakat Melayu terdahulu yang menyerlahkan keayuan si pengantin dan dapat menonjolkan sifat-sifat kewanitaan apabila mereka mengenakan baju kurung atau kebaya. Oleh itu, satu usaha pembaharuan idea dalam mewujudkan gaya dan rekabentuk pakain pengantin yang mengikut arus kemodenan fesyen tetapi dalam masa yang sama tidak meninggalkan aspek kemelayuan harus lah diperkenalkan dan diketengahkan.

Dapat ditekankan dalam kajian ini juga bagaimana cara-cara untuk mengelakkan dan membendung serangan pemikiran dari Barat yang telah mempengaruhi masyarakat setempat di Malaysia sekarang ini khasnya dalam bab pakaian pengantin. Tindakan menjaga cara berfikir dan cara pandang anak muda pada masa kini ini amat penting bagi mengelakkan pengaruh yang tidak seimbang penilaian mereka terhadap nilai-nilai kemelayuan yang dipandang enteng di era globalisasi kini. Penekanan khusus dalam hal ini amatlah wajar dilakukan segera dari sudut pemikiran dan aspek inovasi reka bentuk pakaian pengantin haruslah dilakukan dengan segera agar adat dan jatidiri melayu tidak hilang ditelan zaman.

Dengan adanya kajian ini, ia mampu untuk meningkatkan dan memberikan idea serta sentuhan baru dalam cara berfesyen dan reka bentuk pakaian baru berasaskan songket di dalam pakaian pengantin pada masa kini. Ini juga mampu untuk mecipta kelainan dengan menggabungkan nilai kemelayuan serta reka bentuk pakaian Barat dan ini bakal menjadi sesuatu yang unik. Kajian ini juga dilihat mampu untuk membuka mata generasi muda tentang pentingnya mengekalkan dan menerapkan nilai-nilai kemelayuan dalam semua aspek terutama di dalam bab pemakaian. Seterusnya, kajian ini juga bakal mencetuskan idea mengenai ciri-ciri pakaian pengantin yang bertemakan budaya Melayu dan pada masa yang sama ia dapat terselit elemen-elemen moden yang mengikut arus semasa fesyen.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

i. Mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin masyarakat Melayu.

ii. Mengenalpasti reka bentuk pakaian pengantin Barat.

iii. Menghasilkan cadangan gabungan antara reka bentuk pakaian pengantin Barat dengan nilai kemelayuan masyarakat Melayu.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 PERSOALAN KAJIAN

i. Apakah nilai-nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin masyarakat Melayu?

ii. Apakah reka bentuk pakaian pengantin Barat?

iii. Bagaimanakah cara untuk menggabungan antara reka bentuk pakaian pengantin Barat dengan nilai kemelayuan masyarakat Melayu?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop bagi kajian ini adalah :

i. Kajian ini lebih memfokuskan kepada nilai kemelayuan (songket) mampu digabungkan ke dalam cara pemakaian pakaian pengantin masyarakat Barat. Kurangnya penggunaan kain songket akan menyebabkan nilai kemelayuan generasi terdahulu akan hilang begitu sahaja. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji bagaimana cara untuk menarik generasi muda zaman kini untuk mengekalkan nilai-nilai kemelayuan masyarakat Melayu terdahulu dalam pakaian pengantin.

ii. Sasaran pengguna adalah terdiri daripada generasi muda yang berbangsa Melayu di Malaysia.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

iii. Kategori sasaran pengguna bagi kajian ini adalah lebih difokuskan kepada generasi muda berbangsa Melayu di Malaysia yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 35 tahun.

iv. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini, ia akan dikaji di bandar.

1.6 **SUMBANGAN KAJIAN**

i. Kajian ini mampu untuk meningkatkan penggunakan songket dalam pakaian pengantin zaman kini.

ii. Kajian ini boleh mencipta kelainan dengan menggabungkan nilai kemelayuan serta reka bentuk pakaian Barat menjadi pakaian pengantin yang unik.

iii. Kajian ini akan membuka mata generasi muda zaman kini tentang pentingnya mengekalkan nilai kemelayuan masyarakat Melayu terdahulu.

iv. Kajian ini membolehkan generasi muda kini memakai pakaian pengantin yang bercirikan kemelayuan serta terdapat juga elemen-elemen Barat mengikut peredaran semasa.

v. Kajian ini juga mampu untuk mengekalkan nilai kemelayuan masyarakat Melayu di samping dapat mengikuti fesyen-fesyen yang terkini.

1.7 BATASAN KAJIAN

Dalam menyiapkan kajian ini, masa adalah perkara atau faktor penting untuk menyelesaikan segala persoalan yang dikaji. Setiap masa yang terluang hendaklah digunakan dengan sebaiknya agar segala persoalan dalam kajian ini dapat dikaji dengan tepat. Proses dalam menyiapkan kajian ini adalah sangat terhad. Oleh itu, setiap peluang masa harus digunakan sebaiknya agar kajian ini dapat dikaji dengan sempurna.

Selain itu, dalam kajian ini, bilangan responden wanita Melayu adalah dihadkan dalam kategori responden yang berumur 20 sehingga 35 tahun dan seramai 30 orang. Responden adalah terdiri dari penduduk di bandar Kota Bharu. Dengan adanya target responden ini, ia dapat membantu untuk menjawab segala persoalan dalam kajian ini.Seterusnya, dalam menyiapkan kajian ini juga, sumber kewangan juga menjadi salah satu aspek utama dan amat penting bagi menyelesaikan kajian ini. Perbelanjaan melibatkan pembelian segala peralatan yang diperlukan bagi menyiapkan kajian ini.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 NILAI KEMELAYUAN

Kemelayuan adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan seseorang itu adalah orang Melayu, atau ciri-ciri Melayu yang tersusun, dan digunakan untuk merujuk kepada yang mengikat dan membezakan orang-orang Melayu dan membentuk asas perpaduan dan identiti mereka (Wikipedia, ensiklopedia bebas). Nilai terbahagi kepada dua iaitu adab dan adat yang terdapat dalam diri seseorang khusunya atau masyarakat amnya. Nilai juga merujuk kepada kelakuan yang terdapat di dalam diri seseorang atau masyarakat dan ia mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk keperibadian identiti seseorang individu. Nilai kemelayuan memainkan peranan yang sangat penting yang telah diamalkan oleh kesemua masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Dapat dijelaskan bahawa majoriti masyarakat Melayu adalah berpegangan dan beragama Islam.

Islam telah berhasil mengislamkan masyarakat Melayu. Namun tidak dapat disangkal bahawa Islam yang masuk ke tanah Melayu sudah mengalami proses kemelayuan. Perlu diketahui bahawa etnik Melayu di masa lampau merupakan suatu kesatuan budaya yang tidak terpisah antara satu sama lain serta nilai adat dan peradaban yang dipandang tinggi disisi masyarakat Melayu. Adab di dalam konteks agama Islam adalah merujuk kepada akhlak atau tingkah laku seseorang individu

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

didalam masyarakat. Menurut Wikipedia, ensiklopedia bebas (2014), terdapat pelbagai pembahagian adab yang dapat disenaraikan iaitu ;

1. Adab sopan
2. Adab hormat-menghormati
3. Adab berpakaian
4. Adab dalam keluarga
5. Adab ketika orang meninggal dunia
6. Adab memberi salam
7. Adab menepati janji
8. Adab mengucapkan selawat ke atas Nabi
9. Adab antara bukan mahram
10. Adab Menjalankan tugas

Di dalam masyarakat Melayu, adab berpakaian adalah sangat penting terutamanya bagi golongan wanita. Hal ini kerana, setiap wanita yang beragama Islam haruslah memakai pakaian yang memenuhi tuntutan syariat Islam. Di dalam al Quran ada menyatakan tentang kewajipan menutup aurat iaitu dalam surah Al Azhab ayat 29 ;

> *"Wahai Nabi, suruhlah isterimu, anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, agar melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya; yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali, maka mereka tidak akan diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".*

Adab berpakaian terbahagi kepada beberapa bahagian. Salah satu darinya, masyarakat Melayu hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat iaitu pakaian yang menutup kesemua bahagian badan yang menjadi aurat kepada bukan mahramnya. Pakaian yang dipakai juga hendaklah pakaian yang longgar dan tidak ketat agar tidak menampakkan bentuk tubuh seseorang individu tersebut terutama sekali golongan wanita. Selain itu, masyarakat yang beragama Islam juga disuruh untuk memulakan sesuatu kerja atau amalan dengan mengutamakan bahagian kanan dahulu termasuklah dalam cara memakai pakaian.

Seterusnya, adat yang terdapat dalam masyarakat Melayu terbahagi kepada 2 jenis iaitu;

1. Adat istiadat
2. Adat resam

Adat istiadat ialah adat ritual yang sering dilakukan di dalam sesuatu majlis sama ada majlis rasmi ataupun majlis yang tidak rasmi. Sebagai contoh, adat cukur cambul, adat berkahwin, adat berkhatan, adat pertabalan diraja dan lain-lain. Manakala adat resam pula ialah adat yang merangkumi dari segi perbuatan, berpakaian, menghias diri dan banyak lagi. Kesemua adat tersebut ialah adat yang dilakukan oleh masyarakat Melayu sejak pada zaman berzaman yang diwarisi oleh nenek moyang mereka.

Salah satu adat turun temurun orang Melayu adalah adat perkahwinan. Merujuk kepada adat perkahwinan itu ialah suatu perkara yang dilakukan sebelum, semasa dan selepas majlis perkahwinan berlaku. Salah satu contohnya ialah menyediakan wang hantaran. Wang hantaran adalah berupa wang tunai yang akan ditetapkan oleh pihak

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

keluarga perempuan dan perlu disediakan oleh pihak pengantin lelaki. Wang hantaran ini akan diberikan kepada pengantin wanita apabila akad dilafazkan dan wang ini menjadi hak milik pengantin wanita dan keluarganya. Selain daripada itu, mas kahwin juga merupakan salah satu adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat orang Melayu. Mas kahwin ini adalah pemberian atau hadiah daripada suami kepada isterinya. Mas kahwin ini tidak terhad kepada wang ringgit sahaja tetapi boleh juga dalam bentuk hadiah seperti cincin emas, beg tangan, naskhah al-Quran, kain telekung dan sebagainya.

Adat perkahwinan yang seterusnya ialah hantaran barang. Hantaran barang atau dulang hantaran akan melibatkan kedua-dua belah pihak pengantin yang berbalas hantaran dulang. Kebiasaannya, dulang hantaran ini akan disediakan oleh kedua-dua belah pihak dan dulang itu dicantikkan dengan adanya gubahan bunga, riben atau manik mengikut kreativiti masing-masing. Seterusnya, semasa berlangsungnya majlis perkahwinan, pelamin disediakan dan adat bersanding juga diadakan. Pelamin bagaikan singgahsana diraja adalah simbolik kepada jolokan ‘raja sehari’ yang dihias indah untuk kedua mempelai duduk bersanding di hadapan para tetamu dan ia juga di jadikan tempat untuk pengantin bergambar sebagai kenang-kenangan.

Di samping itu juga, apabila berlangsungnya majlis perkahwinan, sudah pasti ramai sanak saudara dan tetamu yang hadir. Oleh itu pihak pengantin selaku tuan rumah perlu menyediakan buah tangan atau cenderamata untuk diberikan kepada para tetamu sebagai tanda perhargaan dan kenangan. Pada zaman dahulu, bunga telur adalah contoh cenderamata popular yang sering diberikan kepada para tetamu yang hadir. Namun kini, terdapat pelbagai pilihan cenderamata hasil perubahan arus kemodenan pemikiran dan terknologi. Antara contoh cenderamata yang disediakan

kepada tetamu ialah, gula-gula, biskut, naskah Yasin, tasbih, cawan dan lain-lain. Walaupun penyediaan cenderamata tersebut terdiri daripada barangan yang senang didapati disekeliling kita, tetapi perbelanjaan untuk cenderamata ini kebiasaanya agak tinngi disebabkan oleh kesan kenaikan harga barangan setempat.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.1 PAKAIAN PENGANTIN

Pakaian adalah sesuatu serat yang dijadikan sebagai penutup anggota badan termasuklah kaki dan kepala. Pakaian ini akan dipakai oleh kesemua peringkat umur tidak mengira golongan tua atau muda, kanak-kanak atau dewasa dan lelaki mahupun perempuan. Pakaian ini terdiri daripada baju, seluar, stoking, selendang dan juga topi. Pakaian boleh menjadi salah satu faktor juga bagi menunjukkan maksud kebudayaan serta sosial yang tersendiri. Sebagai contoh, pakaian yang diberi nama baju kebarung merupakan pakaian turun temurun masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Pakaian juga termasuk dalam kategori perhiasan diri. Manusia akan menghias diri mereka dengan mengenakan pakaian serta barang hiasan sebagai aksesori tambahan.

Pakaian pengantin merupakan salah satu perhiasan diri yang dipakai dimajlis perkahwinan. Pengantin bermaksud lelaki dan perempuan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (Wikipedia, ensiklopedia bebas, 2013). Lelaki serta perempuan yang akan atau baru berkahwin itu dipanggil sebagai mempelai atau sepasang merpati dua sejoli. Pasangan pengantin ini akan diberi gelaran ‘raja sehari’ pada majlis tersebut.

Perkahwinan biasanya merupakan suatu majlis yang hanya berlaku sekali seumur hidup. Oleh itu, penampilan dan konsep perkahwinan adalah merupakan aspek yang sangat diambil berat oleh para mempelai terutamanya dalam bab pakaian pengantin. Pakaian pengantin mempunyai pelbagai jenis antaranya ialah pakaian pengantin klasik atau tradisional dan moden atau kontemporari. Setiap jenis pakaian pengantin itu mempunyai keistimewaannya serta latar belakang nya yang tersendiri. Hal ini kerana, setiap pakaian pengantin itu bukan sekadar dianggap sebagai perhiasan diri semata-mata malah ianya juga dianggap sebagai lambang kebudayaan, adat resam serta kaum pengantin tersebut.

Jika dilihat kepada perubahan fesyen pakaian pengantin kini, tidak dinafikan ianya banyak terkesan dengan arus kemodenan yang banyak dipengaruhi dengan budaya daripada barat. Terdapat banyak fesyen sekarang ini menjadikan prinsip menjolok mata itu sebagai perkara biasa dan dianggap moden. Perubahan ini amatlah ketara perbezaannya jika hendak dibandingkan dengan keadaan fesyen pakaian masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang lebih gemar memakai pakaian yang longgar dan tidak menampakkan bentuk badan. Masyarakat Melayu lebih dikenali dengan masyarakat yang kuat berpegang kepada agama dan adat resam mereka. Hal ini di tunjukkan dan diamalkan disetiap segi kehidupan tidak hanya tertumpu kepada aspek muamalat sahaja akan tetapi ditekankan dalam aspek penampilan diri dan juga fesyen. Mereka juga turut mempraktikkan pakaian yang selari dengan kehendak syariat Islam iaitu menutup aurat dan menjaga adap sopan. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan prinsip "moden and modesty'. 'Moden' bermaksud pakaian yang telah mempunyai unsur medenisasi dan pakaian yang tidak memenuhi kritiria yang ditetapkan oleh syariat Islam. Manakala maksud 'modesty' pula ialah memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat.

Pada zaman dahulu, para pengantin perempuan akan memakai baju kebaya sebagai pakaian rasmi pada majlis perkahwinan mereka. Baju kebaya yang dikenakan kebiasanya adalah labuh hingga ke paras lutut ataupun lebih dan pada bahagian tangannya pula panjang dan lebar. Pada bahagian badan pula, potongan baju kebaya ini adalah melebar ke bawah dan bermula pada bahagian pinggul. Kemudian, baju kebaya tersebut merupakan sejenis pakaian yang terbelah pada bahagian hadapannya dan ia mempunyai kolar sehingga paras bawah baju. Pada bahagian hadapan yang terbelah itu, ia akan diletakkan kerongsang yang besar pada sebelah atas dan kerongsang kecil pada bahagian bawah. Terdapat pelbagai jenis baju kebaya.

antaranya ialah baju kebaya yang tidak berkolar, baju kebaya yang pada bahagian lengannya sangat lebar dan baju kebaya riau yang mempunyai leher yang berkolar serta berkancing seperti baju kurung cekak musang. Para pengantin perempuan akan mengenakan baju kebaya yang dipadankan dengan selempang. Selempang ini akan diletakkan pada bahagian bahu dan dibawa kehadapan untuk disangkut pada bahagian tangan.

Gambar 1 & 2 : Gambar di atas menunjukkan pakaian baju kebaya labuh pada zaman dahulu yang dipakai oleh para pengantin perempuan pada majlis perkahwinan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Baju kebaya yang dipakai oleh pengantin ini akan dijahit dengan menggunakan kain songket. Songket merupakan sejenis kain yang ditenun dengan menggunakan mesin tradisional dan pada kain songket ini ia akan mempunyai corak yang ditenun dengan benang emas atau perak (Wikipedia, ensiklopedia bebas). Songket ini dipakai oleh para pengantin kerana ia dapat menunjukkan martabat para pengantin yang memakainya. Martabat yang dimaksudkan adalah para pengantin akan dapat dilihat berkedudukan tinggi seakan 'seorang raja' dan 'permaisuri' yang menaiki takhta pada hari majlis perkahwinan mereka itu.

Seterusnya, pakaian pengantin masih lagi dikekalkan dengan penggunaan baju kebaya tetapi telah diinovasikan sedikit demi sedikit oleh pereka fesyen. Pereka fesyen pada zaman dahulu telah mengubah baju kebaya yang labuh menjadi semakin singkat sehingga paras pinggul. Mereka juga telah menciptakan baju kebaya tersebut menjadi lebih moden, elegan dan kelihatan mewah. Baju kebaya ini masih lagi dijahit dengan menggunakan kain songket tetapi mereka hanya mengubah ciri-ciri reka bentuk yang terdapat pada baju tersebut sahaja. Para pereka telah mengubah baju kebaya menjadi semakin singkat dan menambahkan sulaman serta tampalan batu perhiasan yang dipanggil manik pada bahagian badan baju kebaya. Dengan menambahkan perincian seperti itu ia dapat menimbulkan nilai keindahan terhadap baju kebaya tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Gambar 3 & 4 : Gambar di atas menunjukkan pakaian baju kebaya pendek bersongket yang bersertakan batu batu tampalan pada baju tersebut.

Peringkat seterusnya, pakaian pengantin telah diubah pada reka bentuk kainnya. Baju kebaya kebiasannya dipadankan dengan kain atau ‘skirt’ yang turut berkain songket dan potongannya seperti kain sarung. Akan tetapi, apabila para pereka fesyen telah menginovasikan baju kebaya tersebut, mereka turut menginovasikan kainnya. Mereka telah mengubah kain baju kebaya menjadi gaya yang inovatif iaitu rekaan meleret dan

kembang yang banyak bersumberkan ciri-ciri gaun moden barat. Kain baju kebaya ini telah diubah daripada kain sarung menjadi kain yang seakan gaun. Hal ini menyebabkan sedikit demi sedikit keaslian ciri ciri baju pengantin tradisional semakin terhakis dan hilang.

Gambar 5 & 6 : Gambar di atas menunjukkan pakaian baju kebaya pendek dan dipandankan dengan skirt kembang serta.

Kemudian, baju kebaya ini diinovasikan lagi dengan mengubah pada bahagian reka bentuk bajunya. Baju tersebut diubah menjadi tidak terbelah pada bahagian hadapannya dan ditambah dengan ropol pada bahagiaan bawah baju. Baju ini diberi nama peplum. Baju peplum ini dikembangkan pada bahagian pinggang hingga ke bawah baju. Ia akan dijahit ketat pada bahagian pinggan atau bawah dada dan akan dikembangkan ke bawah. Pengantin akan kelihatan langsing dan kurus ketika memakainya. Ciri-ciri yang terdapat pada baju peplum ini telah banyak mennggunakan ciri-ciri pakaian dari barat. Pada bahagian yang dikembangkan, terdapat juga pereka yang menjahitnya dengan bertingkat-bertingkat iaitu menggunakan beberapa lapisan fabrik yang dapat

menghasilkan potongan ropol itu cantik. Pada bahagian kain atau skirt baju peplum ini, ia di jahit kembang pada bahagian bawah. Kain yang kembang ini dijahit bermula pada bahagian paha kemudian dikembangkan sehingga ke paras kaki kain.

Gambar 7 & 8 : Gambar di atas menunjukkan baju peplum yang telah diinovasi daripada baju kebaya pendek.

Kemudian, baju peplum diinovasikan lagi menjadi gaun labuh dan meleret. Baju peplum dan skirt pada asalnya adalah pakaian yang berasingan. Namun, hasil kreativiti dan kemodenan idea para pereka fesyen telah menggabungkan antara baju dan skirt menjadi satu pakaian. Maka telah terhasil baju pengantin yang berlainan dikenali sebagai gaun. Gaun ini pada asalnya dipakai oleh para pengantin di Barat dan sekarang ini telah mempengaruhi dan diterima oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Kebiasaannya, gaun yang dipakai oleh pengantin di Barat adalah berwarna putih dan potongan badan gaun itu akan mengikut bentuk tubuh si pemakai. Fabrik yang digunakan untuk membuat gaun itu adalah satin lembut. Oleh sebab masyarakat Melayu di Malaysia turut menginginkan dan

terpengaruh dengan peredaran fesyen di Barat, maka para pereka fesyen telah menginovasikan satu gaya penampilan baju pengantin yang baru dengan mengubah fesyen baju peplum itu menjadi gaun.

Gambar 9 & 10 : Gambar di atas menunjukkan gaun labuh meleret yang diubah daripada baju peplum.

Apabila fesyen gaun ini semakin diminati dan semakin banyak mempengaruhi masyarakat Melayu, hal ini telah menyebabkan fesyen pakaian pengantin tradisional semakin hilang pengaruh dan ditinggalkan. Oleh itu, pakaian pengantin yang menggunakan kain songket tidak lagi popular dan fesyen itu dianggap sudah lapuk ditelan zaman. Menurut Redaksi.my “kehadiran fabrik moden yang menjadi kegilaan pengantin masa kini telah menyebabkan songket semakin tercicir daripada menjadi pilihan raja sehari untuk meraikan hari bahagia mereka dan generasi kini juga tidak begitu menghargai songket sebagai fabrik warisan”.



Gambar Rajah 11 & 12 : Gambar di atas menunjukkan gaun labuh dan kembang pada bahagian pinggang ke bawah.

Seperti yang kita dapat lihat pada hari ini, semakin ramai pengantin yang memakai gaun sebagai pakaian pengantin mereka. Selebriti juga turut memainkan peranan dalam mempengaruhi masyarakat dalam pemakaian gaun di majlis perkahwinan. Hal ini akan membuatkan masyarakat Melayu akan lebih meminati gaun yang tanpa disedari telah lari dari landasan syariat Islam dan adat Melayu. Oleh itu, masyarakat Melayu semakin meninggalkan adat dan budaya pakaian pengantin tradisonal yang berasaskan kain songket yang diamalkan sejak nenek moyang mereka.

Seterusnya, para pereka fesyen telah banyak memberikan sentuhan kelainan dan penambahan pada fesyen gaun itu sendiri. Pelbagai jenis gaun pengantin telah dihasilkan mengikut cita rasa dan permintaan daripada pengantin itu sendiri. Antara yang menjadi ikutan pakaian pengantin pada masa kini adalah gaun labuh dibelah pada bahagian hadapan dan dipakai dengan seluar. Seperti yang umum ketahui, selebriti terkenal iaitu Mira Filzah turut menggayakan fesyen ini pada resepsi majlis perkahwinannya. Hal ini telah memberikan impak yang cukup besar kepada para pengantin yang bakal berkahwin

untuk mengikut atau memperagakan fesyen yang sama seperti selebriti tersebut. Kesan ini dapat menunjukkan betapa pengaruh dari barat terutama di dalam fesyen pakaian pengantin akan lebih mendapat tempat dihati masyarakat Melayu Malaysia sekiranya tidak diseimbangi dengan pendedahan atau kesedaran tentang pakaian tradisional.

Gambar 13 & 14 : Gambar di atas menunjukkan pakaian pengantin pada zaman kini iaitu gaun labuh dipadankan dengan seluar.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 MASYARAKAT MELAYU

Masyarakat Melayu sememangnya sangat terdedah dengan pengaruh budaya barat terutamanya generasi muda pada zaman kini. Pengaruh budaya barat ini terdiri daripada pelbagai aspek. Antaranya ialah pengaruh dari segi pakaian, budaya, percakapan dan pemakanan. Pada kehidupan hari ini, masyarakat Melayu lebih banyak mengamalkan budaya yang terpengaruh daripada barat berbanding mengamalkan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka.

Pengaruh barat yang paling banyak dipengaruhi oleh generasi muda kini ialah dari segi pemakaian. Generasi muda kini lebih tertarik dengan fesyen dan cara pemakaian masyarakat barat kerana pakaian yang dihasilkan oleh masyarakat barat sangat moden. Oleh hal demikian, mereka lebih gemar untuk berpakaian seiring dengan fesyen terkini dan ia mampu untuk mengikut arus pemodenan dan globalisasi. Apabila terjadinya pengaruh tersebut, pakaian tradisional telah ditinggalkan dan ia telah menjadi lapuk di telan zaman.

Penerimaan masyarakat Melayu dengan pengaruh barat ini sangat lah tinggi. Para selebriti tempatan juga membuatkan pengaruh ini semakin terdedah dalam generasi muda. Hal ini kerana, para generasi muda mengikut selebriti pilihan mereka di sosial media dan dapat melihat gaya hidup yang diamalkan oleh selebriti tersebut. Tidak kesemua artis tempatan membawa imej pengaruh barat, tetapi terdapat segelintir selebriti yang menjadi duta pakaian barat dan mempamerkan pakaian barat tersebut di sosial media. Oleh itu, generasi muda akan dapat melihat daripada cara pemakaian selebriti tersebut dan pengaruh barat tersebut akan mula tersebar.

Golongan masyarakat Melayu terdahulu kurang menerima pengaruh Barat ini kerana cara pemakaiannya tidak mengikut syariat Islam. Masyarakat Melayu terdahulu lebih mengutamakan cara pemakaian yang menutup aurat dan mengikut syariat Islam serta memakai pakaian tradisional agar pakaian tradisional dahulu tidak ditinggalkan. Namun, golongan generasi muda kini lebih memilih untuk mengikut cara barat berbanding budaya yang diamalkan oleh nenek moyang mereka.

2.3 KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian literature yang telah dikaji ini, didapati belum terdapat lagi kajian mengenai dengan 'Nilai Kemelayuan Dalam Pakaian Pengantin Masyarakat Melayu di Malaysia'. Walaupun terdapat kajian lepas seperti 'Kesan Modenisasi Terhadap Penggunaan Pakaian Tradisional Dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Iban Di Pekan Engkilili' yang dikaji oleh Meluna Anak Daro (UMS, 2014), namun kajian ini dijalankan hanya betempat di kawasan Sarawak. Oleh itu, satu kajian yang lain perlu dijalankan di Kelantan bagi menjawab permasalahan yang sama tetapi dikaji dalam kalangan masyarakat Melayu di Kota Bharu, Kelantan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Menurut ‘Hornby” (1985), metodologi adalah merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas sesuatu subjek kajian yang tertentu. Metodologi kajian adalah tergolong dari segi cara, kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian serta menjawab persoalan kajian. Metodologi juga adalah satu kaedah atau teknik dalam mengumpul dan menganalisis data. Oleh itu hasil dari metodologi kajian ini dapat menerangkan atau menghasilkan bukti yang mampu menyokong sesuatu kajian yang dibuat. Tujuan metodologi kajian ini dilakukan adalah untuk membantu pengkaji memahami dengan lebih mendalam atau lebih terperinci tentang perihal yang dikaji.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi kajian membawa maksud kepada sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Ini bermaksud bahawa, metodologi kajian ini adalah merupakan kaedah yang paling bersesuaian untuk digunakan bagi pengkaji menyelidik atau menjawab persoalan dan objektif kajian. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa kaedah metodologi yang akan digunakan untuk menyelesaikan kajian yang dikaji. Bagi memastikan kajian ini dilaksanakan dengan betul, pengkaji akan memastikan teknik dan kaedah yang dipilih adalah bersesuaian bagi tujuan kajian agar ianya mampu dilakukan dengan lebih teliti dan teratur dalam kesemua aspek yang digunakan. Di dalam

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

metodologi kajian, ia terdapat tiga teknik yang selalu digunakan iaitu teknik kualititatif, teknik kuantitatif dan teknik campuran. Oleh itu, pengkaji perlu memilih salah satu daripada teknik tersebut atau menggunakan kedua-dua teknik sekaligus.

3.1 JENIS KAEDAH METODOLOGI

Di dalam metodologi kajian ini, terdapat 3 jenis metodologi yang boleh digunakan, iaitu ;

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007) dan ia juga bermaksud tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986). Kaedah kualitatif terdiri daripada penyelidikan tinjauan, persampelan, temubual dan eksperimen. Kaedah kualitatif penyelidikan tinjauan ialah kaedah yang dilakukan untuk mengumpulkan sebarang maklumat dengan set soalan yang berkaitan dengan kes yang dikaji kepada responden yang dipilih. Kajian penyelidikan tinjauan ini boleh dilakukan secara langsung atau tidak langsung.

Persampelan pula terbahagi kepada dua iaitu persampelan kebarangkalian dan persampelan tidak kebarangkalian. Seterusnya, eksperimen pula dilakukan dengan mengumpulkan responden yang dikehendaki dan menjalankan suatu uji kaji ke atas responden tersebut.

FYP FTKW

Kaedah kualitatif temu bual dapat dilakukan dengan memperolehi maklumat hasil daripada menemubual responden secara langsung atau bersemuka ‘face to face’. Hasil dapripada temubual, pengkaji akan memperolehi maklumat dan mengumpul maklumat yang dikehendaki mengikut tajuk kajian.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif ini adalah penyelidikan yang menekankan fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005;Chua, 2006; Frenkel, 2007). Kaedah kuantitatif adalah suatu kaedah mengumpul maklumat yang diperolehi dengan menggunakan analisis data dan dinyatakan dalam bentuk angka, graf serta jadual. Kuantitatif adalah merujuk kepada perkataan ‘kuantiti’. Kuantiti bermaksud bilangan data yang boleh dikira. Kaedah ini dilakukan dengan mengumpul maklumat menggunakan pengiraan mod, median, min, peratusan dan sebagainya.

Kaedah kuantitatif ini merupakan satu kajian penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul maklumat dan data. Melalui kaedah ini, pengkaji akan menanyakan soalan kepada para responden sama ada lelaki atau perempuan, tua atau muda mahupun kanak-kanak. Ia adalah bergantung kepada tajuk kajian yang dijalankan. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji juga boleh untuk mengumpul maklumat dari setiap responden dan mengumpul data yang diperolehi.

Jenis kaedah kuantitatif terdiri daripada soal selidik dan pemerhatian. Kaedah kuantitatif soal selidik dapat dilakukan dengan mengagihkan borang soal selidik kepada responden. Dengan menggunakan kaedah soal selidik ini ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil analisis yang senang dan cepat. Kaedah pemerhatian pula ialah kaedah yang dijalankan sama ada secara langsung atau secara penglibatan.

3.1.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran pula ialah kaedah yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah ini boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat secara mendalam dan lebih jelas. Dengan menggunakan kaedah ini juga, pengkaji boleh memperolehi data serta dapat menganalisis data dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif memberi beberapa kelebihan seperti dapat membandingkan data kuantitatif dengan kualitatif khususnya untuk memahami perbezaan hasil dapatan kedua-dua kaedah kajian ini. Ia juga dapat memberi gambaran dan peluang kepada pengkaji untuk memahami pandangan responden dan dapat memastikan hasil dapatan adalah pengalaman mereka sendiri. Ianya juga penting untuk menggalakkan interaksi ilmiah dimana pengkaji dapat bertemu dengan pakar bidang pembangunan sosial bagi mengetahui pandangan mereka terhadap isu-isu yang dibincangkan (Kamarudin et al., 2014). Kaedah

campuran memerlukan ketelitian daripada pengkaji bagi mengelakkan berlakunya analisis data yang tidak teratur.

3.1.4 Kaedah Dipilih

Kaedah yang dipilih untuk menjalankan kajian mengenai Nilai Kemelayuan Dalam Pakaian Pengantin Masyarakat Melayu di Malaysia ialah kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif dipilih adalah kerana kaedah ini amat sesuai bagi tajuk kajian ini. Hal ini adalah kerana, kajian ini memerlukan pandangan dan pendapat daripada masyarakat. Oleh itu, kaedah kuantitatif soal selidik akan digunakan bagi memperolehi maklumat daripada responden. Kaedah soal selidik ini juga boleh dilakukan secara atas talian dengan mengedarkan borang soal selidik di media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan Twitter. Semua responden yang menggunakan media sosial hanya perlu klik pada pautan atau 'link' yang diedarkan. Oleh itu, ia dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat dan data yang diperolehi secara tepat dan tersusun mengikut soalan yang diberikan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.2 KAJIAN INSTRUMEN

Kajian instrumen adalah suatu kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan proses penyelidikan. Kajian instrumen adalah kaedah yang paling asas digunakan untuk memperolehi data yang diperlukan oleh pengkaji. Pengkaji perlu menyediakan soalan-soalan yang berkenaan dengan kajian bagi mendapat maklumat yang tepat. Antara contoh kajian instrumen ialah soal selidik, pemerhatian, temubual, ujian dan dokumen.

3.2.1 Soal Selidik

Kaedah soal selidik akan terbahagi kepada dua iaitu soal selidik bentuk terbuka dan tertutup. Kaedah soal selidik bentuk terbuka ialah pengkaji perlu mengedarkan atau memberi soalan yang membenarkan responden untuk menjawab secara rela hati atau secara bebas. Sebagai contoh, pengkaji menyakan soalan yang bermula dengan “apakah, mengapakah, bilakah dan lain-lain”. Pengkaji perlu membiarkan responden untuk menjawab soalan yang bermula dengan perkataan tersebut secara bebas tanpa membuat pilihan jawapan daripada pengkaji. Sebagai contoh, “ Apakah pandangan anda mengenai pakaian pengantin terkini? “ Berdasarkan soalan tersebut, responden perlu menjawab mengikut pandangan dan idea mereka sendiri dan tidak terikat atau bergantung kepada skema jawapan yang disediakan oleh pengkaji.

Seterusnya, kaedah soal selidik secara tertutup pula ialah pengkaji perlu meyediakan soalan bersekali dengan pilihan jawapan. Setiap responden perlu menjawab soalan yang diberikan berpandukan jawapan-

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

jawapan yang telah disediakan oleh pengkaji. Dengan menggunakan kaedah soal selidik tertutup ini, ianya akan memudahkan lagi pengkaji untuk menganalisis jawapan daripada responden. Sebagai contoh:

No.	Soalan	Setuju	Tidak Setuju	Sangat tidak setuju
1.	Adakah anda bersetuju dengan fesyen pakaian dari barat ?			

Jadual 3.2.1 : Contoh Soalan Soal Selidik Secara Tertutup

Berdasarkan soalan diatas, responden perlu menjawab soalan tersebut mengikut pilihan jawapan yang diberikan. Oleh itu, pengkaji akan lebih senang untuk mengumpul maklumat yang diperolehi dengan hanya mengira repsonden yang menjawab setuju, tidak setuju atau sangat tidak setuju.

3.2.2 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah kaedah yang digunakan untuk memperolehi maklumat secara langsung. Kaedah ini perlu dilakukan dengan memerhati tingkah laku responden yang dikehendaki. Kaedah pemerhatian juga boleh dilakukan dengan merakam video atau mengambil gambar responden untuk tujukan dijadikan sebagai rujukan maklumat. Hasil yang didapati semasa menjalankan kaedah pemerhatian ini

sebaiknya dicatat secepat yang mungkin kerana setiap gerak laku responden adalah berubah-ubah.

3.2.3 Temubual

Kaedah temubual adalah kaedah mengumpul maklumat yang dijalankan melalui percakapan secara semuka atau ‘face to face’ dan ia juga boleh dilakukan secara dalam talian. Kaedah ini bersesuaian digunakan bagi mengkaji kanak-kanak atau orang yang tidak pandai menulis dan membaca. Bagi menjalankan kaedah ini, pengkaji perlu bersedia sepenuhnya untuk berdepan dengan responden yang tidak dikenali. Pengkaji perlu dilihat berkeyakinan untuk menanyakan sesuatu soalan kepada responden. Soalan perlu diberikan dengan jelas kepada responden dan ia juga perlu dibaca secara teliti serta menyebut setiap perkataan dengan jelas. Dengan menggunakan kaedah temubual ini, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang lebih tepat dan jelas.

3.2.4 Ujian

Kaedah ujian adalah suatu kaedah yang digunakan untuk menentukan pencapaian responden dalam sesuatu perkara yang dikaji. Ia dapat mengukur sejauh mana seseorang responden itu menguasai sesuatu bidang tersebut. Sebagai contoh, pengkaji menguji sejauh mana pengetahui responden mengenai fesyen pakaian pengantin di Malaysia.

3.2.5 Dokumen

Kaedah dokumen bermaksud kaedah yang menggunakan dokumen-dokumen berkaitan dengan tajuk kajian sebagai sumber maklumat atau data. Kaedah ini kebiasaanya digunakan oleh pengkaji yang mengkaji tentang sejarah-sejarah atau warisan-warisan sesebuah negara. Pengkaji akan menjalankan kaedah ini di perpustakaan atau makmal bagi memperoleh maklumat yang dikehendaki.

3.2.6 Kajian Instrumen Dipilih

Kajian instrumen yang dipilih ialah kaedah soal selidik tertutup. Dalam kajian soal selidik ini pengkaji akan mendapatkan seramai 30 orang responden wanita yang berumur dalam lingkungan 20 sehingga 35 tahun. Kajian soal selidik ini akan mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan yang berkenaan dengan maklumat responden. Manakala bahagian B pula akan mengandungi soalan berkaitan dengan kajian penyelidikan. Dalam bahagian B, soalan akan ditanya dan akan diberikan pilihan jawapan dengan menggunakan 5 pilihan skala iaitu “sangat setuju, setuju, natural, tidak setuju dan sangat tidak setuju”. borang soal selidik ini akan dierdarkan dengan mnggunakan kaedah atas talian dan secara manual. Pengkaji akan mengedarkan ‘link’ kepada para responden untuk menjawab soalan yang diberikan. Link borang soal selidik juga akan dierdarkan di media sosial seperti WhatsApp. Instragram, Facebbok ataupun Twitter bagi mendapatkan responden yang ramai.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Contoh Soal Selidik

BAHAGIAN A : Demografik Responden

1. UMUR :

20-25 Tahun	
26-30 Tahun	
31-35 Tahun	

2. PEKERJAAN :

Kerajaan	
Swasta	
Badan Berkanun	
Berkerja Sendiri	
Tidak Berkerja	
Pelajar	

3. STATUS :

Bujang	

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berkahwin	
Janda	

4. TAHAP PENDAPATAN :

1000 - 1900	
2000 – 2900	
3000 – 3900	
4000 ke atas	

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAHAGIAN B : Pakaian Tradisional dan Nilai Kemelayuan

Nyatakan jawapan anda mengikut skala yang diberikan. Tandakan (/) pada skala yang dipilih. Contoh ;

Sangat Setuju	Setuju	Natural	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
	/			

Bil.	Soalan	SS	S	N	TS	STS
1.	Adakah anda gemar memakai pakaian tradisional ?					
2.	Berapakah skala kekerapan anda memakai pakaian tradisional ?					
3.	Adakah anda menerapkan nilai-nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian anda ?					
4.	Pakaian tradisional tidak lagi relevan pada masa kini.					
5.	Adakah anda bersetuju fesyen-fesyen asli masyarakat Melayu kekal dibiarkan atau dipinggirkan ?					
6.	Golongan muda masa kini lebih terpengaruh dengan budaya pemakaian barat kerana pengaruh media sosial yang berleluasa.					

7.	Adakah anda bersetuju dengan fesyen pakaian dari barat ?					
8	Antara penyumbang nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin semakin dipinggirkan adalah kerana amalan nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian tidak begitu dititikberatkan kepada golongan muda masa kini.					
9.	Adakah anda bersetuju fesyen-fesyen asli masyarakat Melayu kekal dibiarkan atau dipinggirkan ?					

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAHAGIAN C : Pakaian Pengantin dan Songket

Nyatakan jawapan anda mengikut skala yang diberikan. Tandakan (/) pada skala yang dipilih.

Bil.	Soalan	SS	S	N	TS	STS
1.	Adakah anda bersetuju jika nilai dan elemen kemelayuan digabungkan dalam pakaian pengantin barat ?					
2.	Adakah anda mengetahui elemen Melayu yang terdapat dalam fesyen pakaian pengantin ?					
3.	Fesyen pakaian pengantin masa kini banyak dipengaruhi oleh pengaruh barat.					
4.	Elemen pakaian pengantin yang berasaskan songket semakin dilupakan.					
5.	Elemen barat dalam pakaian pengantin tanpak lebih elegan berbanding elemen tradisional ?					
6.	Adakah anda bersetuju pakaian pengantin pada masa kini telah terhakis nilai kemelayuannya ?					
7.	Pakaian pengantin yang berelemen barat, jika digabungkan dengan elemen dan nilai kemelayuan akan dapat menghasilkan pakaian pengantin yang menarik.					

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

8.	Adakah penting untuk meningkatkan kembali pakaian pengantin zaman dahulu ?					
9.	Golongan wanita masa kini lebih menggemari pakaian yang mengikut bentuk badan.					
10.	Golongan artis atau selebriti banyak mempengaruhi fesyen berpakaian atau gaya penampilan pada masa kini.					
11.	Golongan artis atau selebriti perlu memainkan peranan dalam mempromosikan pakaian pengantin yang berelemen kemelayuan.					
12.	Trend pakaian pengantin pada masa kini lebih menjurus kepada elemen barat sehingga hampir melupakan nilai kemelayuan yang telah diamalkan sejak dahulu.					
13.	Pakaian pengantin yang bercirikan nilai kemelayuan lebih bertepatan dengan kehendak Islam berbanding pakaian pengantin yang terpengaruh fesyen barat.					
14.	Adakah anda bersetuju bahawa golongan muda masa kini lebih mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dalam membuat sebarang keputusan ?					

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

15.	Golongan muda masa kini kurang menitikberatkan adab kesopanan dalam mengenakan pakaian pengantin pada hari bersejarah mereka.					
16.	Platform media sosial juga memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada trend pemilihan pakaian pengantin yang berunsur barat.					
17.	Adakah anda gemar memakai pakaian yang mempunyai elemen songket ?					
18.	Adakah elemen songket perlu diangkat supaya ia tidak terus dilupakan ?					
19.	Adakah anda bersetuju jika elemen songket digabungkan dengan elemen barat dalam pakaian pengantin masa kini ?					
20.	Adakah anda akan memakai pakaian pengantin moden berunsurkan elemen songket ?					
21.	Pereka fesyen perlu memainkan peranan dengan menghasilkan pakaian pengantin yang mengikut trend terkini tetapi dalam masa yang sama masih mngekalkan elemen kemelayuan.					
22.	Adakah anda bersetuju bahawa golongan muda masa kini lebih senang membuat keputusan sendiri termasuklah dalam bab pemilihan pattern pakaian					

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

	pengantin berbanding masyarakat terdahulu yang lebih mementingkan pandangan serta pendapat ibu bapa ?					

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.3 DATA ANALISIS

Analisis data ialah proses dimana pengkaji akan mengumpulkan segala maklumat yang diperolehi dalam bentuk data sama ada graf, jadual atau carta. Kaedah menganalisis data boleh juga dilakukan secara memasukkan data ke dalam software komputer dan pengkaji akan memperolehi data yang diinginkan dalam bentuk carta atau graf. Selain itu, cara untuk menganalisis data juga boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik. Kaedah statistik ini boleh digunakan dengan memasukkan data ke dalam perisian statistik. Sebagai contoh STATA atau SPSS. Data yang akan diperolehi boleh dihasilkan dalam bentuk jadual, graf, gambar rajah atau lain-lain.

Kaedah menganalisis data yang dipilih oleh pengkaji adalah kaedah kemasukan data. Teknik kemasukan data ini boleh dilakukan secara manual atau dengan menggunakan komputer. Data yang diperolehi hasil daripada edaran borang soal selidik kepada responden akan dimasukkan ke dalam software excel manakala data akan diperolehi dalam bentuk graf. Huraian akan dibuat pada setiap graf bagi setiap soalan soal selidik tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.4 TARGET KAJIAN

Target responden kajian ini ialah golongan wanita yang berumur dalam lingkungan 20 tahun sehingga 35 tahun. Hal ini adalah kerana, kebanyakan golongan wanita yang berada dalam lingkungan umur tersebut amat mementingkan pakaian yang bakal mereka pakai pada hari majlis perkahwinan mereka. Oleh itu, golongan wanita sangat berpengaruh bagi menjawab persoalan dan objektif kajian ini. Pengkaji akan memilih golongan wanita yang berbangsa Melayu kerana kajian ini lebih memfokuskan pakaian pengantin yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini akan dijalankan di kawasan bandar bagi memudahkan pengkaji mempolehi responden yang ramai. Di kawasan bandar, golongan wanita akan lebih terdedah dengan fesyen-fesyen yang terkini berbanding dengan golongan wanita di kawasan kampung. Pada umumnya, perkembangan fesyen bermula di kawasan bandar kerana di bandar terdapat banyak kedai atau butik yang menjual pakaian mengikut trend terkini.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

MENGANALISIS DATA

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai keputusan data yang telah diperolehi hasil daripada kajian soal selidik. Boring soal selidik ini telah diedarkan kepada 32 orang responden. Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan Teknik SPSS iaitu *Statistical Package for Social Science*. Di mana kesemua keputusan yang diperolehi telah direkodkan dan ditunjukkan dalam bentuk carta pai dan graf. Kesemua hasil yang telah diperoleh hasil kajian soal selidik ini adalah untuk menjawab segala persoalan kajian iaitu Nilai Kemelayuan Dalam Pakaian Pengantin Masyarakat Melayu Kota Bharu, Kelantan. Soalan soal selidik ini telah dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian A mengenai maklumat responden. Soalan yang terdapat pada bahagian B ini terdiri daripada soalan berkaitan dengan Pakaian Tradisional dan Nilai Kemelayuan manakala pada bahagian C terdiri daripada soalan berkaitan dengan Pakaian Pengantin dan Kain Songket. Bagi bahagian D dan E adalah berkaitan pilihan rekaan pakaian dan kain songket, di mana responden perlu memilih 3 daripada 10 rekaan dan kain songket yang telah disediakan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.1 ANALISIS MAKLUMAT RESPONDEN

Bil.	Kategori	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)
1.	Umur		
	1.1 20 – 25 Tahun	19	59.4
	1.2 26 – 30 Tahun	3	9.4
	1.3 31 – 35 Tahun	10	31.3
2.	Bangsa		
	2.1 Melayu	30	93.8
	2.2 Cina	1	3.1
	2.3 India	1	3.1
	2.4 Lain – lain		
3.	Agama		
	3.1 Islam	30	93.8
	3.2 Hindu	1	3.1
	3.3 Lain – lain	1	3.1
4.	Status		
	4.1 Berkahwin	23	71.9

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

	4.2 Bujang	9	28.1
5.	Pekerjaan		
	5.1 Bekerja	15	46.9
	5.2 Tidak Bekerja	3	9.4
	5.3 Pelajar	14	43.8
6.	Tahap Pendapatan		
	6.1 Rm1000 ke bawah	18	56.3
	6.1 Rm1000 – Rm1900	3	9.4
	6.2 Rm2000 – Rm2900	4	12.5
	6.3 Rm3000 ke atas	7	21.9

Jadual 4.1 : Maklumat Responden

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.1.1 Umur



Gambar Rajah 4.1.1 : Carta Peratusan Umur Responden

Kajian ini melibatkan 32 orang responden yang terdiri daripada 59.4% (19 orang) responden yang berumur linkungan 20 tahung sehingga 25 tahun. Manakala, 9.4% (3 orang) responden yang berumur lingkungan 26 tahun sehingga 30 tahun dan selebihnya iaitu 31.3% (10 orang) responden yang berumur 31 tahun sehingga 35 tahun.

4.1.2 Bangsa



Gambar Rajah 4.1.2 : Carta Peratusan Bangsa Responden

Gambar rajah 4.1.2 menunjukkan kategori bangsa responden. Kategori bangsa ini terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kajian ini melibatkan 32 orang responden yang terdiri daripada 93.8% (30 orang) responden yang berbangsa Melayu. Manakala 3.1% (1 orang) berbangsa Cina dan responden yang berbangsa India juga 3.1% (1 orang).

4.1.3 Agama



Gambar Rajah 4.1.3 : Agama Responden

Rajah 4.1.3 menunjukkan agama responden. Daripada 32 orang responden yang beragama Islam adalah 93.8% (30 orang). Manakala bagi responden yang beragama Hindu dan alain-lain adalah sama iaitu 3.1% (1 orang).

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.1.4 Status



Gambar Rajah 4.1.4 : Status Responden

Gambar rajah 4.1.4 adalah berkenaan dengan status responden samada sudah berkahwin ataupun bujang. Hasil daripaa soal selidik yang telah dijalankan, pengkaji mendapati responden yang menjawab soalan soal selidik ini adalah 71.9% (23 orang) telah berkahwin, manakala 28.1% (9 orang) responden masih bujang.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.1.5 Pekerjaan



Gambar Rajah 4.1.5 : Carta Peratusan Pekerjaan Responden

Gambar rajah 4.1.5 menunjukkan peratusan bagi pekerjaan responden. Dimana 46.9% (15 orang) adalah responden yang telah bekerja. Manakala serendah 9.4% (3 orang) responden yang tidak bekerja dan selebihnya iaitu 43.8% (14 orang) responden yang menjawab soal selidik ini adalah terdiri daripada pelajar

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.1.6 Tahap Pendapatan



Gambar Rajah 4.1.6 : Carta Peratusan Tahap Pendapatan Responden

Hasil daripada soal selidik, menunjukkan tahap pendapatan responden yang paling tinggi adalah RM1000 ke bawah dengan peratusannya 56.3% (15 orang). Manakala tahap pendapatan yang paling rendah pula adalah RM1000 hingga RM1900 iaitu 9.4% (3 orang). Bagi responden yang berpendapatan RM2000 hingga RM2900 adalah sebanyak 12.5% (4 orang) dan selebihnya adalah responden yang berpendapatan RM3000 ke atas iaitu 21.9% (7 orang).

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2 ANALISIS PAKAIAN TRADISIONAL DAN NILAI KEMELAYUAN

Soalan yang terdapat pada bahagian ini adalah terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan Pakaian Tradisional dan Nilai Kemelayuan. Responden perlu memilih jawapan Ya, Tidak, Mungkin serta pilihan Skala mengikut kehendak responden.

4.2.1 Adakah anda gemar memakai pakaian tradisional?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda gemar memakai pakaian tradsional?	Ya	50	16
	Tidak	15.8	4
	Mungkin	34.4	11
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2 : Soalan 1



Gambar Rajah 4.2.1 : Carta Peratusan Soalan 1

Berdasarkan soalan 1 iaitu ‘adakah anda gemar memakai pakaian tradisional?’, responden diberikan 3 pilihan jawapan. Piliha jawapan yang diberikan adalah ‘Ya, Tidak atau Mungkin”. Oleh itu, responden perlu memilih salah satu daripada 3 pilihan jawapan tersebut. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan, terdapat 50% (16 orang) telah memilh jawapan ‘Ya’ manakala 15.8% (4 orang) telah memilih jawapan ‘Tidak’. Selebihnya adalah 34.4% (11 orang) yang telah memilih jawapan ‘Mungkin’.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2.2 Berapakah skala kekerapan anda memakai pakaian tradisional?



Gambar Rajah 4.2.1 : Graf Peratusan Soalan 2

Gambar rajah 4.2.1 menunjukkan graf peratusan bagi soalan 2 iaitu ‘berapakah skala kekerapan anda memakai pakaian tradisional?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih tahap skala yang responden merasakan bersesuaian dengan kekerapan responden memakai pakaian tradisional. Oleh itu, terdapat 15.6% (5 orang) responden yang telah memilih skala 1 manakala 25% (8 orang) responden memilih skala 2. Seterusnya, sebanyak 31.3% (10 orang) responden telah memilih skala tengah iaitu skala 3. Bagi skala 4 pula, sebanyak 25% (8 orang) responden telah memilih dan yang bagi skala yang terakhir iaitu skala 5, terdapat 3.1% (1 orang) sahaja telah memilih.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2.3 Adakah anda menerapkan nilai-nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian anda?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda menerapkan nilai-nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian anda?	Ya	65.6	21
	Tidak	3.1	1
	Mungkin	31.3	10
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.1 : Soalan 3



Gambar Rajah 4.2.3 : Carta Peratusan Soalan 3

Gambar rajah 4.2.3 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 3 iaitu ‘adakah anda menerapkan nilai-nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian anda?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 65.6% (21 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 3.1% (1 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 31.3% (10 orang) telah memilih jawapan tersebut.

4.2.4 Adakah pakaian tradisional tidak lagi relevan pada masa kini?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah pakaian tradisional tidak lagi relevan pada masa kini?	Ya	71.9	23
	Tidak	9.3	3
	Mungkin	18.8	6
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.3 : Soalan 4



Gambar Rajah 4.2.4 : Carta Peratusan Soalan 4

Gambar rajah 4.2.4 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 4 iaitu ‘adakah pakaian tradisional tidak lagi relevan pada masa kini?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 71.9% (23 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 9.4% (3 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 18.8% (6 orang) telah memilih jawapan tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2.5 Adakah anda bersetuju fesyen-fesyen asli masyarakat Melayu kekal dibiarkan atau dipinngirkan?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda bersetuju fesyen-fesyen asli masyarakat Melayu kekal dibiarkan atau dipinngirkan?	Ya	18.8	6
	Tidak	75	24
	Mungkin	6.3	2
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.4 : Soalan 5



Gambar Rajah 4.2.5 : Carta Peratusan Soalan 5

Gambar rajah 4.2.5 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 5 iaitu ‘adakah anda bersetuju fesyen-fesyen asli masyarakat Melayu kekal dibiarkan atau dipinggirkan?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 18.8% (6 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 75% (24 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 6.3% (2 orang) telah memilih jawapan tersebut.

4.2.6 Adakah golongan muda masa kini lebih terpengaruh dengan budaya pemakaian barat kerana pengaruh mdia sosial yang berleluasa?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah golongan muda masa kini lebih terpengaruh dengan budaya pemakaian barat kerana pengaruh mdia sosial yang berleluasa?	Ya	84.4	27
	Tidak	6.3	2
	Mungkin	9.4	3
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.5 : Soalan 6

Gambar Rajah 4.2.6 : Carta Peratusan Soalan 6

Gambar rajah 4.2.6 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 6 iaitu ‘adakah golongan muda masa kini lebih terpengaruh dengan budaya pemakaian barat kerana pengaruh media sosial yang berleluasa?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 84.4% (27 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 6.3% (2 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 9.4% (3 orang) telah memilih jawapan tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2.7 Adakah anda bersetuju dengan fesyen pakaian dari barat?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda bersetuju dengan fesyen pakaian dari barat?	Ya	15.6	5
	Tidak	50	16
	Mungkin	34.4	11
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.6 : Soalan 7



Gambar Rajah 4.2.7 : Carta Peratusan Soalan 7

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Gambar rajah 4.2.7 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 7 iaitu ‘adakah anda bersetuju dengan fesyen dari barat?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 15.6% (5 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 50% (16 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 34.4% (11 orang) telah memilih jawapan tersebut.

4.2.8 Adakah antara penyumbang nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin semakin dipinggirkan adalah kerana amalan nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian tidak begitu dititikberatkan kepada golongan muda masa kini?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah antara penyumbang nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin semakin dipinggirkan adalah kerana amalan nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian tidak begitu dititikberatkan kepada golongan muda masa kini?	Ya	71.9	23
	Tidak	6.3	2
	Mungkin	21.9	7
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.2.6 : Soalan 8



Gambar Rajah 4.2.8 : Carta Peratusan Soalan 8

Gambar rajah 4.2.8 menunjukkan carta peratusan bagi soalan 8 iaitu ‘adakah antara penyumbang nilai kemelayuan dalam pakaian pengantin semakin dipinggirkan adalah kerana amalan nilai kemelayuan dalam kehidupan seharian tidak begitu dititikberatkan kepada golongan muda masa kini?’. Pada soalan ini, responden perlu memilih antara 3 pilihan jawapan mengikut kehendak responden. Oleh itu, seramai 71.9% (23 orang) responden yang telah memilih jawapan ‘Ya’ manakala 6.3% (2 orang) responden memilih jawapan tidak. Bagi jawapan ‘Mungkin’ pula, seramai 21.9% (7 orang) telah memilih jawapan tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3 PAKAIAN PENGANTIN DAN KAIN SONGKET

Soalan yang terdapat pada bahagian ini adalah terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan Pakaian Pengantin dan Kain Songket. Responden diberikan 5 pilihan jawapan iaitu 'Sangat Setuju, Setuju, Natural, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju'. Responden perlu memilih jawapan mengikut kehendak atau pendapat diri sendiri.

4.3.1 Adakah anda bersetuju jika nilai dan elemen kemelayuan digabungkan dalam pakaian pengantin?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda bersetuju jika nilai dan elemen kemelayuan digabungkan dalam pakaian pengantin?	Sangat Setuju	34.4	11
	Setuju	43.8	14
	Natural	12.5	4
	Tidak Setuju	6.3	2
	Sangat Tidak Setuju	3.1	1
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.1 : Soalan 9



Gambar Rajah 4.3.1 : Carta Peratusan Soalan 9

Rajah 4.3.1 menunjukkan peratusan bagi soalan 9 iaitu berkaitan dengan ‘adakah anda bersetuju jika nilai dan elemen kemelayuan digabungkan dalam pakaian pengantin?’. Hasil soal selidik mendapati, seramai 34.4% (11 orang) responden telah memilih ‘sangat setuju’ dengan hal yang dinyatakan. Manakala, 43.8% (14 orang) responden telah memilih jawapan ‘setuju’ dan 12.5% (4 orang) telah memilih jawapan ‘natural’. Peratusan selebihnya adalah 6.3% (2 orang) telah memilih jawapan ‘tidak setuju’ dan 31.% (1 orang) memilih ‘sangat tidak setuju’.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.2 Adakah anda mengetahui elemen Melayu yang terdapat dalam fesyen pakaian pengantin?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda mengetahui elemen Melayu yang terdapat dalam fesyen pakaian pengantin?	Ya	75	24
	Tidak	12.5	4
	Mungkin	12.5	4
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.2 : Soalan 10



Gambar Rajah 4.3.2 : Carta Peratusan Soalan 10

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Gambar rajah 4.16 pula menunjukkan carta peratusan bagi soalan 10, ‘adakah anda mengetahui elemen Melayu yang terdapat dalam fesyen?’. Bagi soalan ini, pengkaji telah menyediakan 3 pilihan jawapan iaitu ‘ya, tidak dan mungkin’. Daripada 32 orang responden yang telah menjawab soal selidik ini, seramai 75% (24 orang) telah memilih jawapan ‘ya’. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu masih mengambil tahu tentang fesyen-fesyen Melayu yang terdapat dalam pakaian pengantin. Bagi jawapan ‘tidak dan mungkin’ pula memperolehi peratusan yang sama iaitu 12.5% (4 orang).

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.3 Fesyen pakaian pengantin masa kini banyak dipengaruhi oleh pengaruh barat.

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Fesyen pakaian pengantin masa kini banyak dipengaruhi oleh pengaruh barat.	Sangat Setuju	21.9	7
	Setuju	59.4	19
	Natural	15.6	5
	Tidak Setuju	3.1	1
	Sangat Tidak Setuju	-	-
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.3 : Soalan 11

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Gambar Rajah 4.3.3 : Carta Peratusan Soalan 11

Rajah 4.3.3 menunjukkan peratusan bagi soalan 11 iaitu berkaitan dengan ‘fesyen pakaian pengantin masa kini banyak dipengaruhi oleh pengaruh barat’. Hasil daripada soal selidik mendapati, sebanyak 21.9% (7 orang) responden telah memilih ‘sangat setuju’ dengan hal yang dinyatakan. Manakala, 59.4% (19 orang) responden telah memilih jawapan ‘setuju’ dan 15.6% (5 orang) telah memilih jawapan ‘natural’. Peratusan selebihnya adalah 3.1% (1 orang) telah memilih jawapan ‘tidak setuju’.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.4 Elemen pakaian pengantin yang berasaskan songket semakin dilupakan.

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Elemen pakaian pengantin yang berasaskan songket semakin dilupakan.	Sangat Setuju	9.4	3
	Setuju	37.5	12
	Natural	21.9	7
	Tidak Setuju	31.3	10
	Sangat Tidak Setuju	-	-
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.4 : Soalan 12



Gambar Rajah 4.3.4 : Carta Peratusan Soalan 12

Seterusnya, bagi soalan 12 pula berkaitan dengan kenyataan ‘elemen pakaian pengantin yang berasaskan songket semakin dilupakan’. Pada soalan ini, peratusan yang paling banyak adalah pada jawapan ‘setuju’ dengan jumlah peratusan 37.5% (12 orang). Manakala, yang kedua tertinggi adalah pada pilihan jawapan ‘tidak setuju’ dengan jumlah peratusan 31.3% (10 orang). Peratusan yang selebihnya adalah 9.4% (3 orang) memilih jawapan ‘sangat setuju’ dan 21.9% (7 orang) telah memilih jawapan ‘natural’.

4.3.5 Elemen barat dalam pakaian pengantin tanpak lebih elegan berbanding elemen tradisional?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Elemen barat dalam pakaian pengantin tanpak lebih elegan berbanding elemen tradisional?	Sangat Setuju	-	-
	Setuju	25	8
	Natural	40.6	13
	Tidak Setuju	31.3	10
	Sangat Tidak Setuju	3.1	1
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.5 : Soalan 13



Gambar Rajah 4.3.5 : Carta Peratusan Soalan 13

Gambar rajah 4.3.5 pula menunjukkan carta peratusan bagi soalan 13. Bagi soalan ini, pengkaji telah menyediakan 5 pilihan jawapan iaitu ‘sangat setuju, setuju, natural, tidak setuju dan sangat tidak setuju’. Daripada 32 orang responden yang telah menjawab soal selidik ini, seramai 25% (8 orang) telah memilih jawapan ‘setuju’ dan 40.6% (13 orang) telah memilih jawapan ‘natural’. Bagi jawapan ‘tidak setuju’ pula memperolehi peratusan 31.3% (10 orang) manakala peratusan yang selebihnya adalah pada pilihan jawapan ‘sangat tidak setuju’ dengan jumlah peratusan 3.1% (1 orang).

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.6 Adakah anda bersetuju pakaian pengantin pada masa kini telah terhakis nilai kemelayuannya?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah anda bersetuju pakaian pengantin pada masa kini telah terhakis nilai kemelayuannya?	Sangat Setuju	6.3	2
	Setuju	50	16
	Natural	18.8	6
	Tidak Setuju	21.9	7
	Sangat Tidak Setuju	3.1	1
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.6 : Soalan 14



Gambar Rajah 4.3.6 : Carta Peratusan Soalan 14

Rajah 4.3.6 menunjukkan peratusan bagi soalan 14 iaitu soalan ‘adakah anda bersetuju pakaian pengantin pada masa kini terhakis nilai kemelayuannya?’. Hasil daripada soal selidik mendapati, hanya 6.3% (2 orang) responden telah memilih ‘sangat setuju’ dengan hal yang dinyatakan. Manakala, sebanyak 50% (16 orang) responden telah memilih jawapan ‘setuju’ dan 18.8% (6 orang) telah memilih jawapan ‘natural’. Peratusan selebihnya adalah 21.9%(7 orang) memilih jawapan ‘tidak setuju’ dan 3.1% (1 orang) telah memilih jawapan ‘sangat tidak setuju’.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.7 Pakaian pengantin yang berelemen barat, jika digabungkan dengan elemen dan nilai kemelayuan akan dapat menghasilkan pakaian pengantin yang menarik.

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Pakaian pengantin yang berelemen barat, jika digabungkan dengan elemen dan nilai kemelayuan akan dapat menghasilkan pakaian pengantin yang menarik.	Sangat Setuju	37.5	12
	Setuju	43.8	14
	Natural	18.8	6
	Tidak Setuju	-	-
	Sangat Tidak Setuju	-	-
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.7 : Soalan 15

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Gambar Rajah 4.3.7 : Carta Peratusan Soalan 15

Rajah 4.3.7 menunjukkan peratusan bagi soalan 15. Hasil daripada soal selidik mendapati, sebanyak 37.5% (12 orang) responden telah memilih 'sangat setuju' dengan hal yang dinyatakan. Manakala, 43.8% (14 orang) responden telah memilih jawapan 'setuju' dan yang selebihnya adalah 18.8% (6 orang) telah memilih jawapan 'natural'.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.8 Adakah penting untuk meningkatkan kembali pakaian pengantin zaman dahulu?

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Adakah penting untuk meningkatkan kembali pakaian pengantin zaman dahulu?	Sangat Setuju	46.9	15
	Setuju	46.9	15
	Natural	6.3	2
	Tidak Setuju	-	-
	Sangat Tidak Setuju	-	-
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.8 : Soalan 16

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Gambar Rajah 4.3.8 : Carta Peratusan Soalan 16

Gambar rajah 4.3.8 pula menunjukkan carta peratusan bagi soalan 16 iaitu ‘adakah penting untuk meningkatkan kembali pakaian pengantin zaman dahulu?’. Bagi soalan ini, pengkaji telah menyediakan 5 pilihan jawapan iaitu ‘sangat setuju, setuju, natural, tidak setuju dan sangat tidak setuju’. Daripada 32 orang responden yang telah menjawab soal selidik ini, pilihan jawapan ‘sangat setuju dan setuju’ memperolehi jumlah peratusan yang sama iaitu sebanyak 46.9% (15 orang). Manakala, 6.3% (2 orang) telah memilih jawapan natural.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.9 Golongan wanita masa kini lebih menggemari pakaian yang mengikut bentuk badan.

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Golongan wanita masa kini lebih menggemari pakaian yang mengikut bentuk badan.	Sangat Setuju	37.5	12
	Setuju	43.8	14
	Natural	15.6	5
	Tidak Setuju	-	-
	Sangat Tidak Setuju	3.1	1
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.9 : Soalan 17

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Gambar Rajah 4.3.9 : Carta Peratusan Soalan 17

Rajah 4.3.9 menunjukkan peratusan bagi soalan 17 iaitu berkaitan dengan ‘golongan wanita masa kini lebih menggemari pakaian mengikut bentuk badan’. Hasil soal selidik pada soalan ini mendapati, seramai 37.5% (12 orang) responden telah memilih ‘sangat setuju’ dengan hal yang dinyatakan. Manakala, 43.8% (14 orang) responden telah memilih jawapan ‘setuju’ dan 15.6% (5 orang) telah memilih jawapan ‘natural’. Peratusan selebihnya adalah 3.1% (1 orang) memilih ‘sangat tidak setuju’.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.3.10 Golongan artis atau selebriti banyak mempengaruhi fesyen pakaian pengantin atau gaya penampilan pada masa kini.

Soalan	Pilihan Jawapan	Peratusan (%)	Orang
Golongan artis atau selebriti banyak mempengaruhi fesyen pakaian pengantin atau gaya penampilan pada masa kini.	Sangat Setuju	56.3	18
	Setuju	43.8	14
	Natural	-	-
	Tidak Setuju	-	-
	Sangat Tidak Setuju	-	-
JUMLAH RESPONDEN	**32 ORANG**		

Jadual 4.3.10 : Soalan 18

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Gambar Rajah 4.3.10 : Carta Peratusan Soalan 18

